



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	5/11/2019	MUKA SURAT	:	15
JABATAN	:	KATS / BMG / JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Enam bulan uji SOP baharu bauksit

KUALA LUMPUR - Kerajaan Pahang mencadangkan tempoh enam bulan bagi menguji keberkesanan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlombongan dan Pengeksportan Bauksit yang baharu sebelum aktiviti perlombongan bauksit dibuka di seluruh negeri itu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A. Xavier Jayakumar berkata, tempoh itu bagi meneliti keupayaan penggiat industri mematuhi semua syarat SOP, selain melihat keupayaan agensi penguat kuasa menyelia operasi perlombongan dan pengeksportannya.

"Kita akan mengguna pakai SOP ini dengan cara

paling ketat dan kementerian dengan kerjasama kerajaan Pahang akan memastikan syarikat yang akan diberi lesen ini ikut SOP baharu. Sekiranya tidak patuh, kita tamatkan sertamerta syarikat berkenaan.

"Kita juga buat kajian sekiranya perlu adakan sedikit perubahan SOP selepas enam bulan berdasarkan apa yang kita nampak dengan syarikat yang diberi lesen," katanya pada Persidangan Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Che Alias Hamid (Pas-Kemaman)** yang ingin tahu pemantauan kerajaan bagi memastikan syarikat yang diberi lesen

perlombongan patuh kepada SOP baharu tersebut.

Jelasnya, bagi menguji keberkesanan SOP baharu itu, kerajaan Pahang berseutu hanya beberapa operator dibenarkan beroperasi di Gebeng, Kuantan selepas mendapat kelulusan.

Katanya, SOP tersebut mengenakan syarat ketat bermula daripada proses permohonan, pengangkutan, *stockpile* berpusat dan pengeksportan.

"Antara syarat yang perlu dipatuhi adalah kelulusan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), saiz minimum tapak lombong dan pemprosesan bijih bauksit. - *Bernama*